

12/12/1999

Ong janji tumpu masalah perumahan

Raihanah Abdullah

KUALA LUMPUR: Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru dilantik, Datuk Ong Ka Ting berjanji akan memberi tumpuan kepada masalah perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Beliau berkata, rakyat perlu mendapat perkhidmatan yang baik sejajar dengan manifesto Barisan Nasional (BN) untuk meningkatkan mutu hidup warganegara ini dengan suasana persekitaran kediaman yang selesa.

"Saya juga berazam sedaya upaya untuk mengkaji perancangan yang sedang dijalankan di samping meneruskan projek atau pelan yang sedang diusahakan ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Malaysia '99 bersama Pesta Buku Elektronik '99 di Pusat Pameran Mines di Sri Kembangan, dekat sini, semalam.

Ong akan mengangkat sumpah jawatan baru di depan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah bersama-sama Menteri dan Timbalan Menteri yang lain Selasa ini.

Beliau menggantikan Datuk Dr Ting Chew Peh yang digugurkan dari Kabinet.

Kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan senarai baru Kabinet selepas BN memenangi majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum lalu.

Beliau turut mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pucuk pimpinan MCA di atas kepercayaan mereka.

"Pelantikan itu adalah satu tanggungjawab berat dan cabaran tetapi saya bersedia menghadapinya," katanya.

Ong yang menyifatkan Dr Ting sebagai mentornya berkata, bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu adalah seorang yang rajin dan sentiasa merendah diri.

Ong, 43, menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri (KDN) pada 3 Mei 1995 selepas berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen kementerian itu pada 1990.

Ketika ditanya mengenai tugasnya di KDN yang bakal dilepaskan esok, Ong berkata ada beberapa tugas yang belum selesai terutama, dalam memerangi kegiatan pelbagai jenis jenayah.

Justeru, beliau berharap rakannya yang akan mengambil alih tugasnya nanti akan meneruskan usaha berkenaan.

(END)